

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : DATUK JOSEPH SALANG GANDUM [JULAU ]****TARIKH : 26.3.2018 (ISNIN)****SOALAN :**

**Datuk Joseph Salang Gandum [ Julau ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan dengan terperinci persiapan seperti menyediakan jalan perhubungan desa, bagi menjayakan penggabungan sekolah-sekolah kurang murid.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa bekerjasama dengan semua pihak berkepentingan untuk meningkatkan kualiti pendidikan di semua sekolah termasuk Sekolah Kurang Murid (SKM) sama ada di bandar atau di luar bandar.

Penggabungan sekolah merupakan strategi jangka panjang Pelan Hala Tuju SKM bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif untuk semua murid. Namun, usaha menggabungkan SKM ini akan mengikut keperluan kes demi kes dan berdasarkan hasil perbincangan serta persetujuan sepenuhnya oleh komuniti setempat. KPM mengambil pendekatan berhati-hati dalam melaksanakan langkah tersebut. Ini disebabkan sebarang penggabungan SKM tidak boleh

dilakukan sewenang-wenangnya, sebaliknya memerlukan penelitian mendalam. Pertimbangan tentang jarak, kemudahan pengangkutan, kesediaan kanak-kanak untuk bersekolah di sekolah baharu serta pandangan ibu bapa dan masyarakat setempat turut juga diambil kira.

Bagi negeri Sarawak, perancangan penggabungan sekolah untuk fasa pertama hanya melibatkan pusat penggabungan yang mempunyai akses dan kemudahan asas. Untuk fasa seterusnya, jika pusat penggabungan tiada akses dan kemudahan asas, isu tersebut akan diselesaikan dahulu sebelum penggabungan sekolah boleh dilaksanakan.

Pusat penggabungan akan dibekalkan dengan semua kemudahan asas dan keperluan bagi menyediakan persekitaran kondusif bagi pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran. KPM akan bekerjasama dengan jabatan atau agensi-agensi berkaitan seperti Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak, Sarawak Energy (SESCO), Majlis Perbandaran Tempatan dan lain-lain bagi merancang dan menyediakan keperluan tersebut.